



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

#### **'KEPENTINGAN KESIAPSIAGAAN DALAM MENGHADAPI BENCANA BANJIR'**

KPWKM melalui JKM sentiasa bersiap siaga menghadapi bencana di seluruh negara. Program Latihan dan Simulasi Bencana yang diadakan di Sri Aman, Sarawak hari ini merupakan program kesiapsiagaan yang perlu dilaksanakan di semua Negeri walaupun negeri tersebut tidak pernah mengalami sejarah bencana banjir yang besar.

Langkah-langkah kesiapsiagaan yang diselaraskan di peringkat Kerajaan Negeri dengan melibatkan pelbagai Agensi amat penting dilaksanakan. Kegagalan melaksanakan langkah-langkah kesiapsiagaan akan menyebabkan misi bantuan kepada mangsa tidak dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Merujuk kepada kejadian luar jangkaan seperti yang berlaku di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang baru-baru ini, peranan Kerajaan Negeri yang lebih maklum tentang situasi di Negeri masing-masing amat penting dalam melancarkan misi bantuan kepada mangsa selaras dengan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. KPWKM memandang serius kejadian banjir yang berlaku di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang memandangkan tiada simulasi dibuat di bahagian Pulau tersebut.

Seperkara yang menjadi isu di Pulau Pinang ialah penubuhan pusat pemindahan baharu yang agak berleluasa dan tidak mengikut peraturan. Pusat pemindahan yang terancang perlu digunakan sepenuhnya. Sebarang penubuhan pusat pemindahan yang baharu hendaklah mengikut keutamaan dan dalam keadaan yang benar-benar memerlukan sahaja. Setelah ditubuhkan, semua peraturan hendaklah diikuti supaya kerja penyaluran bantuan dapat dijalankan dengan lancar. Penubuhan pusat pemindahan yang tidak terancang dan terlalu banyak bukan sahaja melambatkan proses penyaluran bantuan malah mewujudkan kekeliruan dalam suasana kerja yang agak tertekan dalam kawasan banjir.

JKM melalui Kerajaan Persekutuan kali ini telah melaksanakan tindakan kesiapsiagaan seperti:

(i) penyediaan keperluan asas mangsa, penggantian dan penambahan stok keperluan asas bencana serta melaksanakan program latihan dan simulasi bencana;

(ii) menyediakan 80 pusat pemindahan berkapasiti besar, 2334 buah sekolah, 3019 buah Dewan Orang Ramai/Balairaya/Pusat Komuniti. Secara keseluruhannya berkeupayaan menampung 1.59 juta mangsa dalam satu-satu masa; dan

(iii) menyediakan 5 buah depot keperluan bencana, 133 buah stor bencana di Negeri/Daerah dan 527 Pangkalan Hadapan bagi penyimpanan stok bantuan keperluan asas mangsa.

Persediaan dan kesiapsiagaan ini membolehkan JKM melaksanakan peranannya secara berkesan sekiranya bencana berlaku dalam keadaan yang boleh dijangka. KPWKM melalui JKM mempunyai empat peranan dan tanggungjawab utama berdasarkan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) iaitu:

- Menyedia dan menyelenggara pusat-pusat pemindahan mangsa bencana;
- Menyedia dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa bencana;
- Menjalankan pendaftaran mangsa bencana bagi maksud pemulihan; dan
- Memberi bimbingan, nasihat/ kaunseling kepada mangsa bencana.

Pelaksanaan perkhidmatan kebajikan di bawah JKM ini terletak di bawah Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Saya amat mengharapkan kerajaan di semua Negeri tidak mengambil ringan tentang kepentingan kesiapsiagaan ini terutamanya keperluan diadakan simulasi.

**DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**19 NOVEMBER 2017**